

06/02/1997

Pembebasan hadiah Aidilfitri

Yahya Awang

TAIPING, Rabu - Semua 14 bekas ahli al-Arqam, termasuk dua wanita yang dibebaskan dari Kem Tahanan Perlindungan Kamunting di sini, hari ini, menyifatkan pembebasan mereka sebagai hadiah Aidilfitri.

Serentak itu, mereka yang ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) berikrar membawa bekas ahli al-Arqam lain ke jalan yang lurus selain berbakti kepada Allah, Islam dan negara ini.

Mereka juga berazam membuang terus segala kesalahan sepanjang menjadi ahli al-Arqam di antara 10 hingga 20 tahun lalu.

Jurucakap mereka, Pahrol Mohamad Juoi, 35, dari Kuala Lumpur mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana membebaskan mereka menjelang hari raya untuk meraikannya bersama keluarga masing-masing.

Dia kagum dengan cara kerajaan, terutama kebijaksanaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Dalam Negeri; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, menangani isu al-Arqam.

"Kegigihan serta komitmen Kementerian Dalam Negeri (KDN); Pusat Islam; Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Biro Tata Negara (BTN) menyedarkan kami untuk kembali ke pangkuan masyarakat sebagai warga berguna," katanya kepada pemberita selepas keluar dari pintu kem tahanan itu hari ini.

Turut dibebaskan ialah Nasiruddin Mohd Ali; Mohd Fakhruddin Arrazi Abdullah; Ahmad Salim Omar; Hashim Ahmad; Hashim Jaafar; Mohd Nizamuddin Asaari; Jaafar Ahmad; Hashim Mohamed; Tengku Noriah Tengku Abdullah; Azura Md Yusof; Dr Mansor Mohd Noor, Sheikh Abdul Rahim Sheikh Ahmad dan Mohamad A Bakar.

Kumpulan itu yang menjalani tahanan enam bulan keluar dari kem itu kira-kira jam 1.15 petang. Sebelas daripadanya dibawa pulang oleh lebih 50 keluarga masing-masing yang menunggu sejak jam 8.30 pagi, manakala selebihnya dihantar oleh pengurusan kem ke stesen bas Kamunting.

Malam tadi, Megat Junid mengumumkan pembebasan bekas ahli al-Arqam terbabit mengikut Akta Kediaman Terhad (RR) kecuali bekas Timbalan Pengarah Jabatan Tanah dan Pembangunan Koperasi, Ahmad Salim.

Mohd Fakhruddin, 30, dari Perlis pula berkata selepas ini dia akan membantu kerajaan dalam program pemulihan akidah bekas ahli al-Arqam, selain memantapkan institusi keluarga serta mengukuhkan urusan pendidikan anak-anak mereka di sekolah kerajaan.

Azura, 30, dari Kuala Lumpur berkata kursus pemulihannya amat berkesan serta menyesali segala kesilapan ketika bersama al-Arqam di samping berusaha membantu kerajaan dalam pelbagai aspek yang berfaedah.

Dr Mansor, 45, pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang meminta kerajaan sentiasa mengambil perhatian dan memberi panduan kepada pergerakan Islam untuk mengelak mereka daripada menyeleweng.

Isteri pertama Ahmad Salim, Musalmah Mohamed, 43, pula berkata suaminya yang kini berusia 50 tahun sudah memohon kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (JPA), KDN dan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi sejak dua bulan lalu bagi menyambung semula perkhidmatannya.

Seorang pegawai KDN, Raja Mohamad Raja Ismail, ketika ditemui berkata 13 yang dibebaskan bersyarat perlu sentiasa mematuhi syarat tetapi diberi kelonggaran untuk mengurus dan menyelesaikan masalah keluarga masing-masing seperti mencari pekerjaan dalam tempoh seminggu dari sekarang.

Malah dalam tempoh itu mereka boleh melawat dan menziarahi keluarga dan sanak saudara masing-masing tetapi dikehendaki melaporkan diri di balai

polis di mana mereka ditempatkan pada suatu tarikh kelak.

"Jika gagal berbuat demikian mereka boleh dikenakan tindakan kerana tidak mematuhi syarat," katanya.

(END)